

AIR
SELANGOR



AIR
UNTUK SEMUA

Berkualiti • Berterusan • Murah

KELESTARIAN AIR SELANGOR

Holistik, Efisien & Berkemampuan



Penstrukturan Semula Air di Selangor


Industri air di Selangor diswastakan pada tahun 1994. Dasar penswastaan industri air adalah bercelaru, berpihak kepada syarikat dan membebankan rakyat.

Sekiranya penstrukturan semula air tidak dilaksanakan, tarif air sudah dinaikkan 3 kali sejak 2008 sebanyak 105%.

Penstrukturan semula industri air membolehkan Kerajaan Negeri mempunyai kawalan penuh ke atas industri air bagi menjamin kelestarian bekalan air yang holistik, efisien dan berkemampuan.

APA YANG BERLAKU?

Jumlah kos pengambilalihan syarikat konsesi air **RM1.64 bilion**



2014

Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan tandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) dan Perjanjian Utama (Master Agreement) bagi memulakan proses pengambilalihan syarikat konsesi air.

2015

Air Selangor berjaya mengambilalih Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Konsortium ABBAS Sdn Bhd (ABBAS) dan Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB).

Hanya pengambilalihan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) masih belum selesai sehingga ke hari ini.

Punca Kelewatan Penstrukturan Semula Industri Air Selangor

- ▶ Seawal tahun 2009, bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Khalid Ibrahim secara bertulis menawarkan SPLASH RM 2.975 bilion.
- ▶ SPLASH menerima tawaran itu dan memaklumkan keputusan kepada KeTTHA melalui surat bertarikh 15 Oktober 2009.
- ▶ Namun tawaran terakhir Tan Sri Khalid Ibrahim kepada SPLASH berubah menjadi RM250 juta sahaja dan SPLASH telah menolak tawaran ini.
- ▶ Setelah Dato' Seri Mohamed Azmin Ali mengambilalih pentadbiran Kerajaan Negeri, badan penilai bebas dilantik segera untuk memberi panduan nilai pengambilalihan SPLASH.
- ▶ Atas dasar keterbukaan Kerajaan Negeri, laporan penilai bebas dikemukakan kepada KeTTHA. KeTTHA juga melantik penilai bebas untuk membantu Kerajaan Persekutuan.
- ▶ Laporan penilai bebas telah dibentangkan dalam Kabinet pada Mei 2017. Namun KeTTHA menangguhkan tarikh akhir memuktamadkan pengambilalihan SPLASH dari Mei 2017 ke Oktober 2017 dan terkini Julai 2018.
- ▶ Sehingga ke hari ini, KeTTHA enggan berkongsi laporan penilai bebas KeTTHA bagi memutuskan harga yang sewajarnya untuk mengambilalih SPLASH.
- ▶ Pengurusan SPLASH di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri yang merupakan pemegang saham minoriti.

Pemilikan SPLASH:

40%

Gamuda Berhad

30%


Kumpulan Perangsang Selangor Berhad

30%

The Sweet Water Alliance Sdn Bhd

1. Air Mencukupi

FAKTA SEBENAR



RIZAB AIR SELANGOR

FAKTA AIR SELANGOR



2. Tiada Catuan




Sejak Air Selangor ambaliali aset air negeri pada tahun 2015 **TIADA** insiden catuan air.

3. Paip Dibaikpulih

Dalam dua tahun sejak Air Selangor ambaliali pada tahun 2015, antara agenda utama Air Selangor adalah untuk mengurang pembaziran melalui Air Tidak Berhasil (Non-Revenue Water, NRW). Air Selangor telah berjaya.

Penurunan kadar NRW sebanyak 2.45% merupakan penjimatan air sejumlah 82 JLH (sebesar satu loji rawatan air) dan penjimatan kewangan **RM53.8 juta**.

PEMBAZIRAN AIR TIDAK BERHASIL DIKURANGKAN



4. Tambahan Bekalan Air

TAMBAHAN BEKALAN 300 JUTA LITER SEHARI (JLH) DALAM TAHUN 2018

	TAHUN	IMPAK	PERBELANJAAN
Loji Rawatan Air Semenyih 2	Mac 2018	100 JLH	RM 177.5 juta
Loji Rawatan Air Labohan Dagang	Siap akhir tahun 2018	200 JLH	RM 497 juta
Baikpulih kolam perkhidmatan air (service reservoir) di taman-taman perumahan	Tahun 2018	29 kolam	RM 27.4 juta

TAMBAHAN/PEMBAIKPULIHAN SUMBER BEKALAN SEBELUM 2018

	TAHUN	IMPAK	PERBELANJAAN
Pembinaan Off-River Storage (ORS) Bestari Jaya	2015	600 JLH	RM 112 juta
Penggantian paip-paip lama di 84 hotspots (Selangor, KL & Putrajaya)	Sejak 2016	422.5 kilometer	RM 374.3 juta
Baikpulih kolam perkhidmatan air (service reservoir) di taman-taman perumahan	Tahun 2017	21 kolam	RM 20 juta

KEADAAN EMPANGAN SEMASA

EMPANGAN	PERATUS SIMPANAN (%) (SETAKAT 8 MAC 2018)
Sg. Selangor (SSD)	100.00
Sg. Tinggi (STD)	100.00
Sg. Semenyih	100.00
Sg. Langat	99.95
Klang Gates	99.80
Sg. Batu	99.63
ORS Sg. Labu	99.78
Tasik Subang	99.20

TAHUKAH ANDA?

Kemalangan di Loji Rawatan Air SSP3

26 Januari 2018

Air Selangor mendapati bekalan air dari Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (LRA SSP3) mulai susut namun TIDAK dibenarkan masuk kerana loji itu dimiliki SPLASH, BUKANNYA Kerajaan Negeri.

5 Februari 2018

Air Selangor dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mendapati Pam 3, 4, 5 & 8 di LRA SSP3 tidak berfungsi akibat kerosakan sejak tahun 2016.

6 Mac 2018

- LRA SSP3 dihenti tugas selama 10 jam dan kerja penggantian paip siap sepenuhnya pada jam 4.15 petang.



- Sewaktu operator mengaktifkan semula operasi loji, 2 paip Sistem Mampatan Udara meletup dan mencederakan 5 orang. Insiden berkenaan masih lagi dalam siasatan bagi mengenalpasti punca kegagalan sistem tersebut.



- LRA SSP3 terpaksa dilanjutkan henti tugas sehingga kerja pembaikan siap.
- Gangguan bekalan air telah melibatkan pengurangan 800 JLH air bersih dan menjejaskan seramai 563,662 pengguna di 499 kawasan.

Tindakan Pantas Air Selangor



- ✓ Mengeluarkan Notis Pemakluman seawal 1 Mac 2018 melalui hebahan media, Pesanan Khidmat Ringkas (SMS), aplikasi WhatsApp dan saluran interaksi Air Selangor.
- ✓ Mengeluarkan Kenyataan Media secara berkala bagi memaklumkan status terkini kerja-kerja pembaikan dan pemulihan bekalan.
- ✓ Menawarkan khidmat bantuan bagi kerja-kerja pembaikan oleh SPLASH.
- ✓ Menawarkan khidmat kontraktor mahir dan berpengalaman bagi menyejajarkan kerja pembaikan.



- ✓ Sebanyak 83 lori tangki air biasa dan 13 unit lori tangki air jumbo digerakkan oleh Air Selangor, selain bantuan 9 lori tangki air PBT Selangor dan 20 lori tangki air dari operator air luar.
- ✓ Menempatkan 178 tangki statik di beberapa lokasi strategik.
- ✓ Mengaktifkan 9 Pusat Khidmat Setempat (PKS) beroperasi 24 Jam dan penyediaan 24 lokasi pili awam.
- ✓ Membekalkan sebanyak 17,568 botol air bersih 5 liter kepada pengguna; terutamanya penghuni kediaman bertingkat.

